

Pas tetap mahu bekerjasama dengan Dr. Mahathir

KOTA BHARU 7 Julai - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mathari ini mengulangi kesediaan parti itu untuk bekerjasama dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad walaupun langkah itu disifatkan oleh banyak pihak sebagai tiada pendirian.

Beliau berkata, Pas sanggup bekerjasama dengan orang yang sebelum ini disifatkan sebagai musuh utama parti berkenaan kerana tidak mahu menisiasikan kebijaksanaan yang dimiliki oleh bekas Perdana Menteri itu.

"Pepatah Arab ada menyebut lebih baik kita bertengkar dengan 1,000 musuh yang bodoh berbanding kita bertengkar dengan seorang musuh yang cerdik, Mahathir ini bijak, maka kita perlu dekati orang macam ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah mingguan Jumaat di pekarangan Pejabat Pas negeri, Jalan Datuk Pati di sini.

Pada Selasa lalu, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, parti itu bersedia melupakan segala dendam politik terhadap Dr. Mahathir sekiranya bekas Perdana Menteri itu Sanggup bekerjasama dengan parti tersebut.

Kenyataan Abdul Hadi itu mendapat teguran banyak pihak kerana Pas dilihat cuba mengamhil kesempatan di atas kritikan Dr. Mahathir terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, kebijaksanaan dan pengalaman luas Dr. Mahathir terbukti apabila banyak Pembangunan yang dilaksanakan di negara ini sehingga namanya terkenal di seluruh dunia.

"Banyak yang boleh kita manfaat daripada kecerdikan dia, kerana cerdik ini tumpang, hak cerdik kita, orang lain tumpang, cerdik orang, kita tumpang," ujarnya.

Mengenai nasihat Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Annuar Musa semalam supaya Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Kelantan menangguhkan program dialog bersama Dr. Mahathir pada 27 Julai ini, Nik Abdul Aziz berkata, pihaknya tidak menghalang kedatangan sesiapa sahaja ke negeri ini.

Kata beliau, pihaknya mengalu-alukan kunjungan Dr. Mahathir itu walaupun ada pihak kurang senang kerana ia terlalu hampir dengan program lawatan Abdullah selama dua hari ke Kelantan pada awal bulan depan.

"Kita juga mengalu-alukan kedatangan Abdullah kerana bila mari, biasanya dia bawa projek, projek ini yang kita nak," katanya.